



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR R&D AKAN MEMPERKUKUH KEDUDUKAN MALAYSIA SEBAGAI PENERAJU DALAM PENYELIDIKAN GLOBAL

KUALA LUMPUR, 19 Ogos 2024 – Pengukuhan infrastruktur penyelidikan dan pembangunan (R&D) Malaysia, terutamanya dalam bidang perubatan diperibadikan (*personalised medicine*) dan penjagaan kesihatan digital (*digital healthcare*), akan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam penyelidikan global dan meletakkan Malaysia sebagai sebuah hab bagi penyelidikan perubatan termaju. Secara asasnya, pelaburan dalam R&D dapat memacu pertumbuhan ekonomi dengan memupuk daya inovasi, mewujudkan pekerjaan berteknologi tinggi dan meningkatkan daya saing global.

“Dengan lebih daripada 1,200 ujian klinikal yang ditaja dijalankan pada tahun 2023, Malaysia sedang mengukuhkan kedudukannya sebagai hab penyelidikan klinikal di Asia Tenggara. Kajian-kajian hebat yang dibuat oleh penerima Geran Penyelidikan Dr Ranjeet Bhagwan Singh adalah penting untuk matlamat nasional kita dalam memajukan pembangunan vaksin, penyelidikan kanser, dan kesihatan awam. Kami komited untuk meneruskan momentum ini bagi mengukuhkan lagi kedudukan kita dalam komuniti penyelidikan perubatan global,” ujar Menteri MOSTI, YB Tuan Chang Lih Kang, semasa ucapan beliau pada Pengumuman Penerima Geran Penyelidikan Dr Ranjeet Bhagwan Singh 2024.

Pencapaian ini sejajar dengan objektif dan bidang tumpuan Rangka Kerja MySTIE 10-10 yang dilancarkan pada tahun 2020 oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) bersama-sama dengan Dasar Kebangsaan Sains, Teknologi dan Inovasi 2021-2030.

Tambah YB Chang Lih Kang, “Matlamat kami untuk meningkatkan perbelanjaan kasar negara dalam penyelidikan dan pembangunan (GERD) kepada 3.5% daripada KDNK menjelang tahun 2030 adalah bukti komitmen kami terhadap inovasi dan pertumbuhan ekonomi. Malaysia Science Endowment (MSE) adalah inisiatif penting dalam mencapai sasaran ini, membolehkan kita untuk mengumpul sumbangan dana dan memupuk kerjasama strategik bagi menyokong penyelidikan yang memenuhi keperluan negara.”

Pada majlis tersebut, YB Tuan Chang Lih Kang telah menyampaikan Geran Penyelidikan Dr Ranjeet Bhagwan Singh 2024 bernilai RM50,000 kepada Pensyarah Kanan di Universiti Malaya, Dr Muhammad Farid Nazer Muhammad Faruqu. Menerusi geran ini, beliau akan menjalankan penyelidikan lebih lanjut berkenaan *‘Investigating EVbodies – Bioengineered Extracellular Vesicles (EVs) as Nano-Neutralising Agents Against EGF in Attenuating EGFR-driven Lung Cancer.’*

Terdahulu, Profesor Kehkooi Kee, pensyarah Malaysia di Universiti Tsinghua, China, telah menyampaikan Syarahan Peringatan bertajuk ‘Merevolusikan Kesihatan: Kesan Sel Stem terhadap Penyelidikan Asas dan Perubatan.’ Syarahan tersebut membincangkan sifat unik sel stem dan peranan mereka dalam mekanisme penyakit serta pemahaman perkembangan.

Tabung Amanah Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh adalah sebuah inisiatif oleh mendiang Dr Ranjeet Bhagwan Singh, individu yang mempunyai visi dan dermawan luar biasa dalam bidang sains perubatan dan kesihatan. Sehingga hari ini, Tabung Amanah Perubatan Dr Ranjeet Bhagwan Singh telah membiayai sebanyak 28 projek penyelidikan serta 11 bengkel teknikal sejak penubuhannya pada tahun 1997.

#TAMAT#

Diterbitkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
19 OGOS 2024**



Kit Media: https://bit.ly/2024_RBS

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Korporat Akademi Sains Malaysia

Syakirah Nurizzati Mohamad Hood

syakirah.nurizzati@akademisains.gov.my

(+6017 6780 925)